

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG  
(BAGAN)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan semua jenis cukai dan duti kastam serta lain-lain yang membabitkan setiap negeri dari tahun 2000 hingga 2014. Nyatakan jumlah geran Kerajaan Pusat kepada negeri-negeri tidak termasuk geran populasi. Sekiranya berbeza bagi setiap negeri, jelaskan kenapa dan kriteria pemberian.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Jumlah kutipan semua jenis cukai langsung dan tidak langsung bagi setiap negeri mulai tahun 2000 hingga 2014 adalah seperti berikut:

Bil	Negeri	Jenis Hasil	Tahun 2010 (RM juta)	Tahun 2011 (RM juta)	Tahun 2012 (RM juta)	Tahun 2013 (RM juta)	Tahun 2014 (RM juta)
1.	Johor	Cukai Langsung	3,578	4,162	4,896	5,791	6,615
		Cukai Tidak Langsung	1,508	1,633	1,677	1,799	1,960
		<b>Jumlah</b>	<b>5,086</b>	<b>5,795</b>	<b>6,573</b>	<b>7,590</b>	<b>8,575</b>
2.	Kedah	Cukai Langsung	748	870	953	1,088	1,141
		Cukai Tidak Langsung	618	879	1,095	1,330	1,483
		<b>Jumlah</b>	<b>1,366</b>	<b>1,749</b>	<b>2,048</b>	<b>2,418</b>	<b>2,624</b>
3.	Kelantan	Cukai Langsung	273	314	384	402	416
		Cukai Tidak Langsung	37	48	155	182	222
		<b>Jumlah</b>	<b>310</b>	<b>362</b>	<b>539</b>	<b>584</b>	<b>638</b>
4.	Melaka	Cukai Langsung	873	995	1,161	1,291	1,536
		Cukai Tidak Langsung	1,603	1,074	941	1,484	1,550
		<b>Jumlah</b>	<b>2,476</b>	<b>2,069</b>	<b>2,102</b>	<b>2,775</b>	<b>3,086</b>
5.	Negeri Sembilan	Cukai Langsung	743	864	1,000	1,114	1,269
		Cukai Tidak Langsung	756	799	931	1,043	1,072
		<b>Jumlah</b>	<b>1,499</b>	<b>1,663</b>	<b>1,931</b>	<b>2,157</b>	<b>2,341</b>
6.	Pahang	Cukai Langsung	760	975	1,100	1,098	1,150
		Cukai Tidak Langsung	706	785	858	774	813
		<b>Jumlah</b>	<b>1,466</b>	<b>1,760</b>	<b>1,958</b>	<b>1,872</b>	<b>1,963</b>
7.	Perak	Cukai Langsung	1,827	2,120	2,416	2,557	2,752
		Cukai Tidak Langsung	529	559	562	502	511
		<b>Jumlah</b>	<b>2,356</b>	<b>2,679</b>	<b>2,978</b>	<b>3,059</b>	<b>3,263</b>
8.	Perlis	Cukai Langsung	91	100	109	132	135
		Cukai Tidak Langsung	118	98	115	131	131
		<b>Jumlah</b>	<b>209</b>	<b>198</b>	<b>224</b>	<b>263</b>	<b>266</b>
9.	Pulau Pinang	Cukai Langsung	3,450	4,018	4,455	4,806	5,299
		Cukai Tidak Langsung	692	814	887	982	1,003
		<b>Jumlah</b>	<b>4,142</b>	<b>4,832</b>	<b>5,342</b>	<b>5,788</b>	<b>6,302</b>
10.	Sabah	Cukai Langsung	2,765	3,424	3,670	3,339	3,672

		Cukai Tidak Langsung	357	450	820	837	776
		<b>Jumlah</b>	<b>3,122</b>	<b>3,874</b>	<b>4,490</b>	<b>4,176</b>	<b>4,448</b>
11.	Sarawak	Cukai Langsung	2,797	3,428	3,829.3	3,923.7	4,331.3
		Cukai Tidak Langsung	931	1,059	818.7	867.6	974.0
		<b>Jumlah</b>	<b>3,728</b>	<b>4,487</b>	<b>4,648.0</b>	<b>4,791.3</b>	<b>5,305.3</b>
12.	Terengganu	Cukai Langsung	378	452	524	548	614
		Cukai Tidak Langsung	501	670	608	400	379
		<b>Jumlah</b>	<b>879</b>	<b>1,122</b>	<b>1,132</b>	<b>948</b>	<b>993</b>
13.	Wilayah Persekutuan	Cukai Langsung	63,474	82,713	189,973	95,602	96,579
		Cukai Tidak Langsung	10,158	11,318	11,368	11,676	13,033
		<b>Jumlah</b>	<b>73,632</b>	<b>94,031</b>	<b>201,341</b>	<b>107,278</b>	<b>109,612</b>

Kementerian Kewangan ingin menarik perhatian Yang Berhormat bahawa jumlah kutipan cukai di setiap negeri tidak menggambarkan sumbangan pendapatan secara langsung yang dihasilkan daripada aktiviti ekonomi di negeri tersebut. Ini disebabkan lokasi cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang mengutip cukai langsung dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang mengutip cukai tak langsung berkemungkinan berbeza dengan lokasi aktiviti ekonomi dijalankan atau tempat tinggal pembayar cukai. Sebagai contoh, wujud keadaan di mana aktiviti ekonomi dijalankan di negeri Johor tetapi cukai dibayar di cawangan LHDN di Kuala Lumpur kerana syarikat berkenaan mendaftarkan perniagaannya di Kuala Lumpur dan memilih untuk memfaikan cukai pendapatannya di cawangan LHDN di Kuala Lumpur.

(b) Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2010 hingga tahun 2013, jumlah Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada negeri (tidak termasuk Pemberian Mengikut Bilangan Orang) adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Tahun 2010 (RM juta)	Tahun 2011 (RM juta)	Tahun 2012 (RM juta)	Tahun 2013 (RM juta)
1.	Johor	479.3	525.2	554.1	670.9
2.	Kedah	268.8	325.8	303.3	332.0
3.	Kelantan	263.9	337.4	338.0	393.2
4.	Melaka	110.6	120.8	131.8	145.0
5.	Negeri Sembilan	205.9	230.0	217.8	256.6
6.	Pahang	270.0	268.8	333.4	337.0
7.	Pulau Pinang	120.8	146.3	146.4	162.7
8.	Perak	308.2	344.1	381.9	479.4
9.	Perlis	94.1	91.7	116.4	125.6
10.	Selangor	512.1	577.5	626.0	706.1
11.	Terengganu	219.7	281.5	256.8	282.5
12.	Sabah	751.6	813.6	851.1	954.8
13.	Sarawak	766.3	850.2	895.9	1,059.7
	JUMLAH	4,371.4	4,912.9	5,152.8	5,905.5

Jumlah Pemberian adalah berbeza antara negeri kerana Pemberian ini tertakluk kepada kadar yang ditetapkan di bawah Akta berkaitan dan keputusan Majlis Kewangan Negara.